

PERBARISAN TAMAT KURSUS DI AKADEMI HOME TEAM



TEKAD TERAS KEJAYAAN: Kedua-dua pegawai polis, NSPI Muhammad Azhar Haj Mohamed (*kiri*) dan Koperal Muhd Syafiq Abdul Rahim, berjaya mengharungi segala rintangan sewaktu berkursus tahun ini. Mereka menandakan tamat kursus masing-masing menerusi perbarisan yang diadakan di Akademi Home Team semalam. – Foto M.O. SALLEH

Cemerlang di kursus NS banggakan ibu bapa

KENAKALANNYA tampak seperti tidak terkawal dulu. Beliau lebih banyak menghabiskan masa bermain kasut roda dan bersikap sambil lewa terhadap pelajaran sehingga keciciran dari Politeknik Singapura.

Sikap anak bongsu daripada tiga adik-beradik itu ketika itu menghancurkan hati ayahnya.

Oleh itu, berbekal tekad mahu membanggakan ayahnya, Encik Muhd Syafiq Abdul Rahim bertungkus lumus semasa menjalani kursus asas polis Perkhidmatan Negara, sehingga otot belakangnya tercedera Julai lalu.

Segala jerih payah beliau, yang mendapat emas dalam ujian kecekapan jasmani perseorangan (IPPT), berbaloi apabila beliau berjaya bergelar ahli tambak dan menjadi antara 16 pelatih terbaik kohortnya.

Koperal Muhd Syafiq, 22 tahun, menerima plak semasa perbarisan tamat kursus di Akademi Home Team semalam.

“Memandangkan saya anak lelaki tunggal dalam keluarga, saya bertekad mendapatkan yang terbaik dan membawa pulang sesuatu untuk ayah saya.

“Saya rasa gembira dan sangat bersyukur. Meskipun saya tercedera, saya yakin saya berkebolehan. Ini memberi saya dorongan mahu menjadi pegawai polis yang lebih baik pada masa depan,” ujarnya, yang menyambung pelajaran di Politeknik Nanyang hingga lulus diploma teknologi infokom berbilang media.

Seorang lagi yang berjaya menamatkan kursus dengan cemerlang ialah Inspektor Probesen NS Muhammad Azhar Haj Mohamed, 19 tahun.

Beliau seorang daripada dua pegawai kadet terbaik kursus pegawai kadet, yang turut menyertai perbarisan semalam.

NSPI Azhar mendapat Pedang Kehormat daripada tetamu terhormat, Menteri Negara Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad.

Baginya, saat paling getir sewaktu berkursus ialah ketika menjalani latihan di Outward Bound Singapore (OBS) di Pulau Ubin selama 16 hari.

“Pada suatu malam, hujan turun lebat. Habis khemah kami dimasuki

air dan baju kami semua basah kuyup. Sebelum itu, kami terpaksa mendayung kayak sejauh 70 kilometer dan berkawat sejauh 100 kilometer.

“Waktu itu mencabar sekali. Tetapi saat itu memberi saya peluang merenung semula tujuan saya berlatih dan ingat bahawa saya ingin membanggakan ibu bapa saya.

“Kini, saya gembira berada di sini. NS membolehkan saya mengenali Singapura dan kesukaran hidup,” ujar NSPI Azhar.

Dalam ucapannya, Encik Masagos menggalak anggota NS memberi maklum balas kepada Jawatankuasa untuk Memperkukuh NS demi mempertingkatkan kebajikan mereka.

“Jawatankuasa ini akan menimbangkan langkah-langkah membantu pegawai NS seperti anda bertugas dan mengimbangi masa bersama keluarga, kerjaya dan hal-hal lain sebaik mungkin.

“Anda juga sebahagian daripada pasukan polis yang berjaya mengekang jenayah dan penganasan. Tahun lalu, kadar jenayah 581 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Ini kadar paling rendah dalam tempoh 30 tahun,” ujar beliau.